

04/10/1999

Negara sedang membangun digesa bersatu pertahan hak

Saodi Mat Atar in Victoria Falls (Zimbabwe)

VICTORIA FALLS (ZIMBABWE), Ahad - Malaysia menggesa semua negara sedang membangun agar bersatu mempertahankan hak mereka terutama dalam mengenepikan tekanan dari negara maju.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat gesaan itu berdasarkan pandangan negara sedang membangun berdepan dengan suasana suram di alaf baru akibat asakan negara maju di utara.

Beliau turut merujuk kepada mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Seattle bulan depan, yang dijangka menjadi medan negara maju menekan negara membangun dengan pelbagai peraturan untuk membuka pasarannya mereka.

Perdana Menteri menjangka keadaan itu kerana sukar bagi negara membangun bersatu kerana sebahagian daripada mereka sentiasa mendapat tekanan hebat dari negara maju.

Beliau memegang kepada pendirian negara membangun seharusnya diberi peluang untuk menggunakan halangan tarif dalam perdagangan sehingga mereka mampu untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

"Tapi IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa) yang memberi pinjaman mendesak mereka (negara membangun) agar membuka pasaran mereka, merendahkan tarif dan lain-lain. Ini akan menjadikan mereka tidak mendapat keuntungan dan tidak mampu bersaing," katanya.

Perdana Menteri memberi contoh keluaran gula dengan kos tinggi di negara Afrika tidak mampu bersaing dengan keluaran dari Eropah, sekali gus menyebabkan industri berkenaan tertekan.

Sehubungan itu, beliau menegaskan negara membangun mampu menghalang keadaan itu dengan bersatu pendirian di WTO selain bersuara dalam pelbagai forum antarabangsa.

Beliau bercakap kepada wartawan Malaysia menjelang pembukaan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) ketiga di sini, hari ini yang memberi tumpuan kepada langkah memperkasakan ekonomi menerusi perkongsian pintar.

Ketua-ketua kerajaan negara terbabit dalam pertemuan tidak formal ketika makan, malam tadi, mahukan pengalaman Malaysia dalam pembangunan ekonomi dikongsi dan dicontohi bagi memastikan pengagihan lebih sama rata bagi rakyat masing-masing.

Dr Mahathir, satu-satunya pemimpin luar rantau ini menghadiri pertemuan tiga hari itu, berkata Malaysia tidak boleh memastikan penentangan terhadap sikap negara maju tanpa sokongan negara membangun lain.

Ditanya ketiadaan wakil negara Asean dalam Kumpulan 20 (G20) yang baru ditubuh negara maju, beliau dengan sinis menyifatkan ia sebagai demokrasi terjemahan negara maju.

Beliau membuat sindirian itu kerana forum G20 ditubuhkan dengan mandat untuk membincangkan secara meluas isu ekonomi dunia termasuk langkah pencegahan krisis dan kerangka kewangan antarabangsa.

Bagaimanapun, semua keputusan hasil perbincangan itu kelak dibuat tanpa kehadiran negara seperti Malaysia untuk memberi pandangan, sama seperti di Kumpulan 7 (G7) yang hanya membabitkan kumpulan terkaya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri turut menegaskan negara sedang membangun sukar bersaing bukan hanya kerana tidak mempunyai peluang bersuara tetapi disebabkan pihak pemberi pinjaman.

Beliau berpendapat cadangan supaya IMF menjual emas bagi melupakan hutang negara Afrika juga hanya akan menyebabkan industri berkenaan lumpuh, sekali gus memburukkan ekonomi negara terbabit.

Sementara itu, SAID ketiga yang bermula hari ini, bertujuan memperkukuhkan ekonomi menerusi perkongsian pintar berdasarkan pengalaman Malaysia.

Dalam pertemuan tidak formal malam tadi, Dr Mahathir sudah diminta memberi penjelasan mengenai kaedah digunakan Malaysia termasuk dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Pemimpin negara Afrika mahu mencontohi bagaimana Malaysia mampu menjadikan DEB sebagai pelantar membangunkan golongan Bumiputera sejak 1970 yang ketinggalan dalam bidang ekonomi.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, model itu sukar dilaksanakan di negara rantau ini kerana penduduknya kurang terlatih, tidak mempunyai modal serta kemampuan dari segi pengurusan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, SAID 99 itu masih di peringkat merencana bagaimana konsep perkongsian bijak dapat diterjemahkan bagi mengukuhkan kegiatan ekonomi demi faedah penduduk di rantau ini.

(END)